

D.R. 29/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT
AMANAH LABUAN 1990**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Pendaftaran dikehendaki untuk menjalankan perniagaan sebagai syarikat amanah di Labuan.
4. Pendaftaran syarikat amanah.
5. Terma dan syarat pendaftaran.
6. Kehendak-kehendak tambahan bagi syarikat amanah.
7. Pematuhan akan Akta Syarikat 1965.
8. Sekatan ke atas syarikat amanah,
9. Pembekalan maklumat dan pemeriksaan.
10. Pengkenselan pendaftaran.
11. Penerusan sementara bagi penggulungan.

BAHAGIAN II

KUASA-KUASA SYARIKAT AMANAH

12. Kuasa syarikat amanah untuk bertindak sebagai wasi.
13. Kuasa syarikat amanah untuk bertindak sebagai pentadbir.
14. Kuasa-kuasa tambahan syarikat amanah.
15. Kuasa syarikat amanah untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal.
16. Kuasa syarikat amanah untuk bertindak sebagai pemegang amanah bersama, dsb., dengan pemegang amanah lain.
17. Perwakilan kepada syarikat amanah.

BAHAGIAN III

PELBAGAI

Fasal

18. Syarikat amanah tertakluk kepada kawalan, dsb., yang sama seperti mana-manawasi, dsb., yang lain.
19. Afidavit pegawai.
20. Pemeriksaan buku dan akaun syarikat amanah.
21. Wang yang dibayar kepada syarikat amanah hendaklah dipegang sebagai amanah.
22. Komisen, fee, caj dan perbelanjaan yang dilevikan oleh syarikat amanah.
23. Kerahsiaan.
24. Pengkompaunan kesalahan.
25. Peraturan-peraturan.
26. Prosedur jika tiada diaturkan.
27. Terjemahan suratcara, dsb.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran syarikat sebagai syarikat amanah di Labuan, mengenai penetapan kuasa-kuasa dan tugas-tugas syarikat amanah itu dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut;

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk
mngkas
dan mula
berkuatkuasa.

2. Dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"bukan pemastautin" ertinya seorang yang bukan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia dan yang tidak terlibat dalam perdagangan atau perniagaan di Malaysia, dan termasuklah mana-mana syarikat luar pesisir yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan mana-mana syarikat luar pesisir asing yang didaftarkan di bawah Akta itu; Akta

"estet" atau "harta pusaka" ertinya apa-apa harta, sama ada harta tanah atau alih, yang diamanatkan kepada pentadbiran atau pengurusan suatu syarikat amanah sebagai wasi, pentadbir, pemegang amanah, penerima, jawatankuasa, penjaga atau ejen;

Akta 125.

"juruaudit" ertinya juruaudit syarikat diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965;

"Labuan" ertinya Wilayah Persekutuan Labuan;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi atau seorang hakim Mahkamah Tinggi;

"menjalankan perniagaan", berhubungan dengan sesuatu syarikat amanah, ertinya menjalankan apa-apa aktiviti ekonomi sebagai pemegang amanah, ejen, wasi atau pentadbir menurut tujuan-tujuan syarikat amanah itu dan, tanpa membataskan keluasan peruntukan yang tersebut di atas, termasuklah—

- (a) menubuhkan atau menggunakan pejabat pemindahan syer atau pejabat pendaftaran syer;
- (b) mentadbirkan, menguruskan atau selainnya mengurusniagakan harta sebagai ejen, wakil diri di sisi undang-undang atau pemegang amanah, sama ada melalui pengkhidmat atau ejen atau selainnya;
- (c) menyenggarakan seorang ejen bagi maksud mensolisit atau mendapatkan perniagaan, sama ada ejen itu bermastautin secara berterusan di Labuan atau tidak;
- (d) menyenggarakan suatu pejabat, agensi atau cawangan, sama ada pejabat, agensi atau cawangan itu digunakan juga bagi apa-apa maksud oleh syarikat lain atau tidak;
- (e) mengadakan—
 - (i) perkhidmatan pengurusan dan perakaunan kepada; atau

- (ii) pengarah, setiausaha dan pejabat berdaftar bagi,

syarikat luar pesisir yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan syarikat luar pesisir asing yang didaftarkan di bawah Akta itu; dan

- (f) memperbadankan atau mendaftarkan syarikat di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan secara amnya bertindak sebagai ejen penyerahan bagi apa-apa dokumen yang dikehendaki diserahkan oleh sesuatu syarikat atau seseorang di bawah Akta itu;

"Menteri"¹ ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan dan perindustrian;

"pegawai", berhubungan dengan sesuatu syarikat amanah, termasuklah—

- (a) mana-mana pengarah, setiausaha atau pekerja syarikat amanah itu;
- (b) seseorang penerima dan pengurus mana-mana bahagian perusahaan syarikat amanah itu yang dilantik di bawah suatu kuasa yang terkandung dalam mana-mana suratcara; dan
- (c) mana-mana pelikuidasi sesuatu syarikat amanah yang dilantik dalam suatu penggulungan sukarela,

tetapi tidaklah termasuk—

- (A) mana-mana penerima yang juga bukannya seorang pengurus;
- (B) mana-mana penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah; atau
- (C) mana-mana pelikuidasi yang dilantik oleh Mahkamah atau oleh pemiutang-pemiutang;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan termasuklah mana-mana Pendaftar Syarikat Rantau, Timbalan Pendaftar Syarikat atau Penolong Pendaftar Syarikat;

"syarikat amanah" ertinya mana-mana syarikat yang didaftarkan untuk menjalankan perniagaan sebagai syarikat amanah di bawah seksyen 4.

Pendaftaran dikehendaki untuk menjalankan perniagaan sebagai syarikat amanah di Labuan.

Akta 247.

3. (1) Tiada syarikat boleh menjalankan perniagaan sebagai syarikat amanah di Labuan melainkan jika syarikat itu didaftarkan untuk menjalankan perniagaan sedemikian di bawah Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh disifatkan menyentuh dengan apa-apa jua cara kuatkuasa Pemegang Amanah Raya yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah Raya 1950.

Pendaftaran syarikat amanah.

4. (1) Mana-mana syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau yang didaftarkan sebagai syarikat asing di bawah Akta itu boleh memohon dalam borang yang ditetapkan dan atas pembayaran fee yang ditetapkan kepada Pendaftar bagi pendaftaran sebagai syarikat amanah untuk menjalankan perniagaan di Labuan.

(2) Tiada syarikat boleh dipertimbangkan bagi pendaftaran sebagai syarikat amanah melainkan jika—

- (a) modal dibenarkan bagi syarikat itu tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit yang dibahagikan kepada syer tidak kurang daripada sepuluh ringgit setiap satu;
- (b) sekurang-kurangnya setengah daripada amaun tiap-tiap syer yang diterbitkan oleh syarikat itu masih tidak dibayar dan tidak kena dipanggil, kecuali sekiranya berlaku dan bagi maksud penggulungan atau pembubaran syarikat itu;
- (c) sekurang-kurangnya seratus lima puluh ribu ringgit daripada modal dibenarkan telah dibayar secara *bonafide*;

- (d) syarikat itu telah mendepositkan dengan Akauntan Negara sekuriti-sekuriti untuk diluluskan oleh Pendaftar bernilai seratus ribu ringgit; dan
- (e) syarikat itu boleh menunaikan obligasi-obligasinya, selain daripada liabilitinya kepada pemegang syernya, tanpa mengambil kira sekuriti-sekuriti yang didepositkan sedemikian dengan Akauntan Negara.

(3) Tiada syarikat yang mempunyai sama ada ibu pejabatnya atau pejabat berdaftaranya di luar Labuan boleh didaftarkan sebagai syarikat amanah melainkan jika syarikat itu menetapkan dan memberitahu Pendaftar secara bertulis mengenai—

- (a) pejabatnya di Labuan; dan
- (b) dua daripada pegawai-pegawainya sebagai ejen-ejen diberikuasa bagi syarikat amanah itu di Labuan.

5. (1) Pendaftar boleh meluluskan permohonan bagi pendaftaran sebagai syarikat amanah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat (jika ada) sebagaimana yang difikirkannya patut. Terma dan syarat pendaftaran.

(2) Apabila didaftarkan, tiap-tiap syarikat amanah hendaklah membayar kepada Pendaftar apa-apa fee pendaftaran permulaan dan tahunan sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Peruntukan-peruntukan Akta Syarikat Amanah 1949 tidaklah terpakai bagi syarikat yang didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta ini. Akta 100.

6. (1) Suatu syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta ini hendaklah menyenggarakan sekian peringkat minimum modal dan rizab di Labuan sebagaimana yang ditetapkan. Kehendak-kehendak tambahan bagi syarikat amanah.

(2) Tiap-tiap syarikat amanah yang subseksyen (3) seksyen 4 terpakai baginya hendaklah, dalam masa tujuh hari, menyerahkan suatu notis dalam borang yang ditetapkan kepada Pendaftar akan apa-apa pertukaran mengenai—

- (a) pejabatnya di Labuan; atau
- (b) salah satu daripada atau kedua-dua ejen diberikuasanya.

(3) Tiap-tiap syarikat amanah hendaklah, apabila dan seberapa kerap yang apa-apa perubahan dibuat pada memorandum atau perkara-perkara persatuan syarikat amanah itu atau pada apa-apa suratcara lain yang di bawahnya syarikat amanah itu diperbadankan, dalam masa tujuh hari, menyerahkan kepada Pendaftar butir-butir lengkap secara bertulis mengenai perubahan sedemikian, ditentukan melalui suatu affidavit yang dibuat atau akuan yang diangkat sumpah, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh seorang pegawai syarikat amanah itu.

Pematuhan akan Akta Syarikat 1965.

7. Pendaftaran sesuatu syarikat untuk menjalankan perniagaan sebagai syarikat amanah di bawah Akta ini tidaklah melepaskan syarikat itu daripada mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965.

Sekatan ke atas syarikat amanah.

8. Suatu syarikat amanah hendaklah memberi perkhidmatan hanya kepada bukan pemastautin sahaja.

Pembekalan maklumat dan pemenssaan.

9. (1) Tiap-tiap syarikat amanah hendaklah mengemukakan kepada Pendaftar apa-apa maklumat, data dan penyata sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Walau apa pun seksyen 23, Pendaftar boleh, bagi maksud memuaskan hatinya bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini dipatuhi dan bahawa syarikat amanah itu adalah dalam kedudukan kewangan yang kukuh, mempunyai akses kepada dan memeriksa buku, rekod, baucar, dokumen, wang tunai dan sekuriti mana-mana syarikat amanah dan meminta apa-apa maklumat daripada mana-mana pegawai syarikat amanah itu sebagaimana yang perlu.

(3) Menteri boleh secara bertulis memberikuasa mana-mana orang lain untuk menolong Pendaftar dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah seksyen ini.

(4) Mana-mana pegawai syarikat amanah yang merintang atau menghalang Pendaftar atau mana-mana orang yang diberikuasa sedemikian semasa menjalankan mana-mana kuasa yang disebut dalam subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Tiga ribu ringgit.

(5) Mana-mana pegawai syarikat amanah yang, dalam membekalkan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (2), dengan disedarinya atau dengan melulu membuat apa-apa pernyataan yang palsu dalam apa-apa butir material adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Tiga ribu ringgit.

10. (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa mana-mana syarikat amanah— Pengkenselan pendaftaran.

- (a) telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana terma atau syarat pendaftarannya;
- (b) sedang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) telah melanggar mana-mana undang-undang lain yang mengenakan tugas atau obligasi ke atasnya; atau
- (d) telah disabitkan atas suatu kesalahan, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, dan dihukum denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit,

dan Pendaftar berpendapat bahawa, memandangkan jenis pelanggaran, kegagalan, atau kesalahan itu, adalah tak diinginkan bagi syarikat amanah itu berterusan didaftarkan, maka dia hendaklah memberitahu syarikat amanah itu mengenai pendapatnya dan sebab-sebab baginya dan

hendaklah menghendaki syarikat amanah itu membuat representasi-representasi dalam masa tiga puluh hari tentang mengapa pendaftaran syarikat amanah itu tidak patut dikenselkan.

(2) Apabila diterima apa-apa representasi yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan selepas pertimbangan wajar akan representasi-representasi itu, atau apabila habisnya tempoh masa yang ditetapkan dalam subseksyen itu jika tiada apa-apa representasi dibuat, Pendaftar hendaklah mengkenselkan pendaftaran syarikat amanah itu atau mengambil apa-apa langkah lain sebagaimana yang difikirkannyapatut.

(3) Jika Pendaftar memutuskan untuk mengkenselkan pendaftaran syarikat amanah di bawah subseksyen (2)—

- (a) dia hendaklah memberitahu syarikat amanah itu mengenai keputusannya dan sebab-sebab baginya; dan
- (b) syarikat amanah itu boleh, tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas diberitahu mengenai keputusan Pendaftar, merayu kepada Menteri yang boleh mengesahkan, mengubah atau mengakaskan keputusan itu.

(4) Jika Menteri mengesahkan keputusan Pendaftar untuk mengkenselkan pendaftaran syarikat amanah atau jika syarikat amanah telah diberitahu mengenai keputusan Pendaftar untuk mengkenselkan pendaftarannya dan tidak merayu dalam masa yang ditetapkan, Pendaftar hendaklah menyebabkan suatu notis mengenai pengkenselan itu disiarkan dalam *Warta* dan syarikat amanah itu hendaklah berhenti menjalankan perniagaan mulai dari tarikh pengkenselan yang dinyatakan dalam notis itu.

Penerusan
sementara
bagi
penggulangan.

1. Walau apa pun subseksyen (4) seksyen 10, Pendaftar boleh memberikuasa syarikat amanah secara bertulis untuk menjalankan perniagaan pada apa-apa takat dan bagi apa-apa jangkamasa sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberikuasaan itu hanya bagi maksud membolehkan syarikat amanah itu menggulungkan hal-ehwalnya berbangkit daripada pengkenselan pendaftarannya.

BAHAGIAN II

KUASA-KUASA SYARIKAT AMANAH

12. Jika mana-mana syarikat amanah dilantik sama ada berseorangan atau berse sama dengan mana-mana orang lain sebagai wasi dalam wasiat terakhir mana-mana pewasiat atau dalam suatu kodisil kepada wasiat itu (sama ada wasiat atau kodisil itu telah dibuat sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini), maka syarikat amanah itu boleh bertindak sebagai wasi dan boleh memohon untuk probet bagi wasiat itu dan apa-apa kodisil kepadanya, dan boleh melakukan dan menunaikan segala tindakan dan tugas seseorang wasi dengan sepenuhnya dan berkesan seperti mana-mana wasi lain.

Kuasa syarikat amanah untuk bertindak sebagai wasi.

13. (1) Dalam apa-apa hal di mana seseorang boleh memohon untuk mendapatkan pemberian surat kuasa mentadbir harta pusaka seseorang yang telah mati (sama ada dengan atau tanpa wasiat terlampir), orang itu boleh—

Kuasa syarikat amanah untuk bertindak sebagai pentadbir.

(a) menyertai suatu syarikat amanah dalam permohonan untuk mendapatkan pemberian surat kuasa mentadbir harta pusaka itu bagi dirinya sendiri dan syarikat amanah itu secara berse sama; atau

(b) sebagai ganti dirinya sendiri yang memohon, memberikuasa suatu syarikat amanah memohon untuk mendapatkan pemberian surat kuasa mentadbir harta pusaka itu.

(2) Jika pentadbiran mana-mana harta pusaka (dengan atau tanpa wasiat terlampir) diberikan kepada syarikat amanah sama ada berseorangan atau berse sama dengan mana-mana orang lain, syarikat amanah itu boleh melakukan dan menunaikan segala tindakan dan tugas yang dipunyai oleh jawatan sebagai pentadbir atau pentadbir bersama, mengikut mana-mana yang berkenaan, tanpa mengambil kira pemerbadanannya.

14. Suatu syarikat amanah boleh dilantik sebagai ejen atau pemegang amanah di bawah apa-apa penyelesaian atau suratcara lain yang mewujudkan suatu amanah, atau untuk melaksanakan apa-apa amanah atau tugas yang

Kuasa-kuasa tambahan syarikat amanah.

dibenarkan, oleh Akta ini atau oleh memorandum atau perkara-perkara persatuannya atau oleh mana-mana suratcara yang memperbadankan syarikat amanah itu, untuk diusahakan, dan boleh dilantik sedemikian, sama ada penyelesaian atau suratcara yang mewujudkan amanah itu atau yang mengenakan tugas itu telah dibuat atau berkuatkuasa sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, dan sama ada sebagai pemegang amanah asal, pemegang amanah baru atau pemegang amanah tambahan dan boleh melakukan dan menunaikan segala tindakan dan tugas seorang pemegang amanah dengan sepenuhnya dan berkesan seperti mana-mana pemegang amanah lain.

Kuasa syarikat amanah untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal.

15. (1) Suatu syarikat amanah boleh dilantik atau terus bertindak sebagai pemegang amanah tunggal walaupun ada diperuntukkan oleh terma-terma suratcara yang mewujudkan amanah itu atau apa-apa kuasa atau selainnya bahawa hendaklah ada lebih daripada satu pemegang amanah untuk melaksanakan amanah itu.

(2) Suatu syarikat amanah tidak boleh dilantik atau tidak berhak untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal dalam apa-apa hal di mana suratcara yang mewujudkan amanah atau kuasa itu dengan nyata—

- (a) melarang perlantikan suatu syarikat amanah;
- (b) memperuntukkan bahawa hendaklah ada pemegang amanah lain sebagai tambahan kepada suatu syarikat amanah; atau
- (c) memperuntukkan bahawa suatu syarikat amanah tidak boleh dilantik untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal.

Kuasa syarikat amanah untuk bertindak sebagai pemegang amanah bersama, dsb. dengan pemegang amanah lain.

16. (1) Suatu syarikat amanah boleh bertindak sebagai pemegang amanah, wasi atau ejen bersesama dengan syarikat amanah atau orang lain jika—

- (a) suratcara yang di bawahnya syarikat amanah itu bertindak memperuntukkan sedemikian;
- (b) syarikat amanah itu diberikuasa atau dikehendaki berbuat sedemikian oleh undang-undang; atau

(c) Mahkamah memerintahkan sedemikian.

(2) Suatu syarikat amanah tidaklah bertanggung bagi pecah amanah atau kerugian yang diakibatkan oleh apa-apa tindakan atau peninggalan pemegang amanah, wasi atau ejen bersama yang dengannya syarikat amanah itu bertindak, melainkan jika syarikat amanah itu telah dengan sendirinya terlibat secara aktif dalam, atau bersetuju dengan, pecah amanah itu.

17. (1) Adalah menjadi sah bagi mana-mana wasi, pentadbir, pemegang amanah atau ejen untuk mewakili melalui suratikatan atau secara bertulis kepada suatu syarikat amanah sama ada berseorangan atau bersejajanya dengan mana-mana syarikat atau orang lain, sebagai wakilnya, akan segala amanah dan kuasa sebagaimana yang boleh diwakilkan olehnya dengan sah.

Perwakilan kepada syarikat amanah.

(2) Segala tindakan yang dilakukan oleh syarikat amanah itu sebagai penerima wakilan sedemikian hendaklah, terhadap mana-mana orang yang berurusan dengan syarikat amanah itu tanpa notis pembatalan kuasa sedemikian oleh wasi, pentadbir, pemegang amanah atau ejen itu, menjadi sah dan berkuatkuasa tanpa mengambil kira pembatalan sedemikian.

BAHAGIAN III

PELBAGAI

18. Jika suatu syarikat amanah dilantik sebagai wasi, pentadbir, pemegang amanah, ejen atau wakil, syarikat amanah itu hendaklah tertakluk dalam segala aspek kepada kawalan yang sama dan kepada pemecatan atau penyekatan daripada bertindak, dan pada amnya kepada bidang kuasa Mahkamah, mengikut cara yang sama seperti mana-mana wasi, pentadbir, pemegang amanah, ejen atau wakil lain.

Syarikat amanah tertakluk kepada kawalan, dsfa., yang sama seperti mana-mana wasi, dsb., yang lain.

19. Dalam segala hal di mana suatu syarikat amanah dikehendaki atau diberikuasa untuk membuat apa-apa

Afidavit pegawai.

afidavit, perisytiharan atau pernyataan, syarikat amanah itu boleh berbuat demikian melalui mana-mana pegawainya yang dilantik bagi maksud itu.

Pemeriksaan buku dan akaun syarikat amanah.

20. (1) Mana-mana orang yang—
- (a) memuaskan hati Mahkamah bahawa dia mempunyai suatu kepentingan di bawah mana-mana amanah yang pada masa itu berada di bawah kawalan atau pengurusan suatu syarikat amanah; dan
 - (b) membantah suatu tindakan atau keputusan syarikat amanah itu atas asas bahawa terdapatnya sesuatu luar aturan atau ketakpatutan oleh syarikat amanah itu dalam melakukan tindakan itu atau dalam membuat keputusan itu,

boleh memohon kepada Mahkamah supaya catatan-catatan dalam buku dan akaun syarikat amanah itu yang berhubungan dengan tindakan atau keputusan itu diperiksa.

(2) Jika Mahkamah menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh melantik seorang juruaudit untuk memeriksa catatan-catatan dalam buku dan akaun syarikat amanah itu dan juruaudit itu hendaklah melaporkan dapatan-dapatannya kepada Mahkamah.

(3) Jika terbukti melalui dapatan-dapatan juruaudit itu bahawa telah berlaku sesuatu luar aturan atau ketakpatutan oleh syarikat amanah itu, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya wajar.

Wang yang dibayar kepada syarikat amanah hendaklah dipegang sebagai amanah.

21. (1) Apa-apa wang atau balasan berharga lain yang dibayar atau diberi kepada syarikat amanah menurut mana-mana suratcara yang mewujudkan suatu amanah hendaklah dipegang oleh syarikat amanah itu, berasingan daripada wangnya sendiri dan balasan berharga lain, sebagai amanah bagi maksud-maksud yang wang atau balasan berharga itu dibayar atau diberi dan syarikat amanah itu hendaklah mengakaunkannya secara berasingan.

(2) Suatu syarikat amanah yang gagal mematuhi kehendak subseksyen (1) dan tiap-tiap pegawai syarikat amanah itu yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Tiga puluh ribu ringgit atau penjara selama lima tahun atau kedua-duanya.

22. (1) Suatu syarikat amanah adalah berhak—

- (a) jika syarikat amanah itu memegang sesuatu estet atau harta pusaka bagi pihak mana-mana orang, untuk menerima daripada estet atau harta pusaka itu, suatu komisen, sebagai tambahan kepada segala wang yang dibelanjakan dengan sewajarnya oleh syarikat amanah itu dan fee yang kena dibayar kepadanya dan yang boleh dikenakan terhadap estet atau harta pusaka itu; dan
- (b) dalam segala hal lain, untuk meleviskan fee, caj dan perbelanjaan berkenaan dengan apa-apa kerja yang dilakukan oleh syarikat amanah itu untuk atau bagi pihak mana-mana orang.

Komisen,
fee, caj dan
perbelanjaan
yang
dileviskan
oleh
syarikat
amanah

(2) Jika Mahkamah berpendapat bahawa apa-apa komisen, fee, caj atau perbelanjaan yang diJevikan berkenaan dengan apa-apa estet atau harta pusaka atau berkenaan dengan apa-apa kerja yang dilakukan oleh syarikat amanah itu adalah berlebihan, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana orang, yang bagi pihaknya estet atau harta pusaka itu dipegang, atau yang bagi pihaknya kerja itu dilakukan, mengkaji semula komisen, fee, caj atau perbelanjaan itu, dan boleh mengurangkannya sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Komisen, fee, caj atau perbelanjaan yang berhak diterima oleh syarikat amanah di bawah seksyen ini tidak boleh mengikut apa-apa cara sekalipun dijejaskan atau disusutkan dengan sebab adanya mana-mana orang lain yang rmmgkin berhak kepada komisen, fee, caj atau perbelanjaan berkenaan dengan kerja yang dilakukan itu.

(4) Suatu syarikat amanah hendaklah mempunyai hak untuk berkongsi komisen, fee, caj atau perbelanjaan yang berhak diterimanya di bawah seksyen ini dengan mana-mana orang lain.

Kerahsiaan.

23. (1) Suatu syarikat amanah dan pegawai-pegawai, pengkhidmat-pengkhidmat dan ejen-ejenjnya, dan juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) seksyen 20 untuk memeriksa buku dan akaun syarikat amanah tidak boleh, kecuali jika dikehendaki dengan sahnya untuk berbuat demikian oleh Mahkamah atau di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia, membuat apa-apa pendedahan tentang kewujudan apa-apa amanah, estet atau harta pusaka tertentu ataupun identiti mana-mana wasi, penyelesaian, pelantik, penjaga, pemegang amanah atau benefisiari bagi mana-mana amanah, estet atau harta pusaka tertentu kecuali sebagaimana yang perlu bagi maksud mentadbirkan amanah, estet atau harta pusaka itu atau melabur, mendapatkan kembali atau mendapatkan aset-asetnya atau sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta ini.

(2) Kecuali bila dikehendaki dengan sahnya untuk berbuat demikian oleh Mahkamah atau di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia atau, dalam hal mana-mana pegawai awam, bagi maksud penjalanan tugas-tugasnya atau pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh, melainkan jika diberikuasa secara spesifik oleh syarikat amanah berkenaan, mendedahkan kepada mana-mana orang maklumat yang diamanahkan dengan menaruh kepercayaan kepadanya, atau diperolehi olehnya atas sifatnya atau pada menjalankan tugas-tugasnya sebagai pegawai awam, pekerja, ejen, pelikuidasi, penerima atau atas perhubungan profesional atau perhubungan fidusiari yang seumpamanya, berhubungan dengan hal-ehwal mana-mana jua pun syarikat amanah, sama ada semasa bekerja atau bertindak atas sifat atau perhubungan sedemikian atau selepas dia telah berhenti bekerja atau bertindak atas sifat atau perhubungan sedemikian.

(3) Peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah berkuatkuasa mengenai apa-apa maklumat yang diamanahkan kepada atau diperolehi oleh mana-mana orang berhubungan dengan hal-ehwal mana-mana syarikat amanah sama ada maklumat itu telah diamanahkan kepada atau diperolehi olehnya sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Tiga puluh ribu ringgit atau lima tahun penjara atau kedua-duanya.

24. (1) Pendaftar boleh, dalam hal yang difikirkannya patut dan wajar untuk berbuat demikian, mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu dengan membayar kepada Pendaftar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu apa-apajumlah wang sebagaimana yang ditentukan dalam tawaran itu yang tidaklah boleh melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum yang boleh dikenakan kepada orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

Pengkom-
paunan
kesalahan.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa perlanjutan masa yang boleh diberikan oleh Pendaftar, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan tidak dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu dibuat.

- Peraturan-peraturan. 25. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat bagi maksud melaksanakan, atau menguatkuasakan, peruntukan-peruntukan Akta ini dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan apa yang tersebut di atas, bagi menetapkan apa-apa borang, notis, fee, caj dan apa-apa jua yang dikehendaki supaya ditetapkan oleh Akta ini atau sebagaimana yang difikirkannya perlu.
- Prosedur jika tiada diaturkan. 26. Sekiranya apa-apa tindakan atau langkah dikehendaki atau dibenarkan dilakukan atau diambil di bawah Akta ini dan tiada borang ditetapkan atau prosedur diaturkan bagi maksud itu sama ada dalam Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, permohonan bolehlah dibuat kepada Pendaftar untuk arahan tentang cara bagaimana tindakan atau langkah itu boleh dilakukan atau diambil, dan apa-apa tindakan atau langkah yang dilakukan atau diambil mengikut arahnya hendaklah menjadi pelaksanaan sah bagi tindakan atau langkah itu.
- terjemahan suratcara. dsb. 27. (1) Jika apa-apa suratcara atau dokumen yang dikehendaki diserahkan kepada Pendaftar adalah dalam bahasa selain daripada bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, suratcara atau dokumen itu hendaklah disertakan dengan suatu terjemahannya yang ditentukan atau diperakukan sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.
- (2) Jika apa-apa akaun atau rekod lain yang dikehendaki disimpan di bawah Akta ini tidak disimpan di dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, pengarah-pengarah syarikat amanah hendaklah menyebabkan suatu terjemahan sebenar bagi akaun dan rekod itu dibuat dari semasa ke semasa pada lat-lat tempoh yang tidak lebih daripada tujuh hari dan hendaklah menyebabkan terjemahan-terjemahan itu disimpan dengan akaun dan rekod yang asal.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan suatu Akla baru yang dikenali sebagai Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 bagi membuat peruntukan mengenai pendaftaran syarikat dan syarikat

asing yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan perniagaan sebagai syarikat amanah di Wilayah Persekutuan Labuan. Syarikat-syarikat amanah ini mengadakan perkhidmatan profesional, perakaunan, kesetiausahaan, amanah dan perkhidmatan lain kepada syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing serta bukan pemastautin Malaysia.

2. *Bahagian I* adalah mengenai perkara-perkara permulaan. *Fasal 1* dan *2* bertujuan membuat peruntukan mengenai perkara-perkara permulaan termasuk takrif bagi beberapa perkataan yang digunakan dalam Rang Undang-Undang.

3. *Fasal 3* bertujuan menghendaki sesuatu syarikat mendaftar di bawah Rang Undang-Undang sebelum syarikat itu boleh menjalankan perniagaan sebagai syarikat amanah di Labuan. Walau bagaimanapun, Rang Undang-Undang ini tidak akan menyentuh kuatkuasa Pemegang Amanah Raya yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah Raya 1950.

4. *Fasal 4* menerangkan prosedur dan syarat-syarat bagi pendaftaran syarikat amanah.

5. *Fasal 5* memberi kuasa kepada Pendaftar untuk meluluskan permohonan suatu syarikat amanah bagi pendaftaran tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan.

6. *Fasal 6* bertujuan membuat peruntukan mengenai kehendak-kehendak tambahan yang perlu dipatuhi oleh suatu syarikat amanah.

7. *Fasal 7* menyatakan bahawa Akta Syarikat 1965 masih terpakai bagi suatu syarikat amanah yang didaftarkan di bawah Rang Undang-Undang. *Fasal 8* pula melarang suatu syarikat amanah memberi perkhidmatan kepada pemastautin Malaysia.

8. *Fasal 9* bertujuan menghendaki suatu syarikat amanah mengemukakan apa-apa maklumat, data dan penyata sebagaimana yang ditetapkan oleh Pendaftar. Pendaftar diberi kuasa untuk mempunyai akses kepada dan memeriksa buku, rekod, baucar, dokumen, wang tunai dan sekuriti mana-mana syarikat amanah dan untuk meminta apa-apa maklumat daripada mana-mana pegawai syarikat amanah itu sebagaimana yang perlu.

9. *Fasal 10* memberi kuasa kepada Pendaftar mengkenselkan pendaftaran suatu syarikat amanah jika berlakunya mana-mana kejadian yang dinyatakan di dalamnya. Prosedur bagi pengkenselkan diterangkan dengan terperinci. Pendaftar dikehendaki menyiarkan suatu notis mengenai pengkenselkan pendaftaran itu dalam *Warta*.

10. *Fasal 11* adalah mengenai penggulangan suatu syarikat amanah berbangkit daripada pengkenselkan pendaftarannya.

11. *Bahagian II* adalah mengenai kuasa-kuasa sesuatu syarikat amanah. *Fasal 12* memberi kuasa kepada syarikat amanah untuk bertindak sebagai wasi, sama ada berseorangan atau bersekesama dengan mana-mana orang lain, dan mendapatkan probet bagi mana-mana wasiat. *Fasal 13* pula memberi kuasa kepadanya untuk memohon mendapatkan pemberian surat kuasa mentadbir harta pusaka seseorang yang telah mati.

12. *Fasal 14* bertujuan membuat penmtukan mengenai kuasa-kuasa tambahan suatu syarikat amanah. Suatu syarikat amanah boleh, antara lainnya, dilantik sebagai ejen atau pemegang amanah di bawah apa-apa penyelesaian atau suratcara yang mewujudkan suatu amanah.

13. *Fasal 15* dan *16* masing-masing membolehkan suatu syarikat amanah dilantik sebagai pemegang amanah tunggal dan bertindak sebagai pemegang amanah, wasi atau ejen bersama dengan mana-mana syarikat amanah lain.

14. *Fasal 17* membenarkan perwakilan segala amanah dan kuasa oleh wasi, pentadbir, pemegang amanah atau ejen kepada suatu syarikat amanah.

15. *Bahagian III* adalah mengenai perkara-perkara pelbagai. *Fasal 18* memperuntukkan bahawa suatu syarikat amanah yang dilantik sebagai wasi, pentadbir, pemegang amanah, ejen atau wakil adalah tertakluk kepada sekatan, kawalan dan pemecatan yang sama dengan mana-mana orang lain yang dilantik atas sifat yang serupa.

16. *Fasal 19* membolehkan affidavit suatu syarikat amanah dibuat oleh mana-mana pegawainya. *Fasal 20* pula memberi kuasa kepada Mahkamah untuk memerintahkan buku dan akaun syarikat amanah diperiksa oleh seorang juruaudit atas permohonan mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan syarikat amanah itu.

17. *Fasal 21* memperuntukkan bahawa segala wang yang diterima oleh suatu syarikat amanah menurut apa-apa suratcara yang mewujudkan suatu amanah mestilah dipegang sebagai amanah oleh syarikat amanah itu.

18. *Fasal 22* memberi hak kepada suatu syarikat amanah menerima apa-apa komisen atau melevikan fee, caj atau perbelanjaan berkenaan dengan mana-mana perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat amanah itu untuk dan bagi pihak mana-mana orang. Mahkamah diberi kuasa untuk mengkaji semula komisen, fee, caj atau perbelanjaan itu.

19. *Fasal 23* bertujuan melarang apa-apa pendedahan oleh suatu syarikat amanah dan pegawai-pegawai, pengkhidmat-pengkhidmat dan ejen-ejennya kepada mana-mana orang tentang kewujudan apa-apa amanah, estet atau harta pusaka tertentu atau identiti mana-mana wasi, penyelesai, dsb., bagi amanah, estet atau harta pusaka sedemikian.

20. *Fasal 24* memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Rang Undang-Undang. Menteri Perdagangan dan Perindustrian diberi kuasa di *bawah fasal 25* untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang,

21. Pendaftar di bawah *fasal 26* boleh menentukan apa-apa prosedur jika tiada prosedur diaturkan oleh Rang Undang-Undang atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. *Fasal 27* pula memperuntukkan bahawa jika apa-apa suratcara, dokumen, rekod atau akaun adalah di dalam suatu bahasa selain daripada bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, maka suratcara, dokumen, rekod atau akaun itu hendaklah disertakan dengan suatu terjemahannya dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1613.]